



**KUKUM**

# *Kejohanan* **OLAH RAGA** **KUKUM 2006**

**Tempat**

**Maktab Perguruan Perlis**

**Tarikh**

**25, 26 & 29 Mac 2006**

**'Semua Warga KUKUM Dijemput Hadir'**

DENGAN KERJASAMA :

**MAKTAB PERGURUAN PERLIS**  
**JABATAN PELAJARAN PERLIS**



## LATAR BELAKANG

Kejohanan Olahraga Tertutup KUKUM ini diwujudkan bagi menarik minat warga KUKUM untuk berkecimpung di dalam sukan , ianya juga dijadikan sebagai satu langkah untuk memilih para pelajar dan juga staf bagi mewakili KUKUM ke kejohanan olahraga antara universiti Malaysia yang akan datang. Selain daripada itu kejohanan ini juga akan dijadikan sebagai acara tahunan dalam kalender sukan KUKUM.

## OBJEKTIF

- i. Sebagai langkah untuk mengilap bakat sukan dikalangan warga KUKUM
- ii. Mewujudkan hubungan yang erat antara warga KUKUM
- iii. Mewujudkan rasa keseronokan beraktiviti serta hubungan sosial dikalangan warga KUKUM



**Dato' Seri Shahidan Kassim**  
**MENTERI BESAR PERLIS**



## SECORET TINTA REKTOR

Assalamualaikum w.b.t & Salam Sejahtera

Alhamdulillah saya merafa'kan kesyukuran kehadrat Allah kerana sekali lagi dapat kita bertemu dalam Kejohanan Olahraga Tertutup KUKUM 2006 yang saya kira merupakan tahun ke 2 program ini dianjurkan.

Aktiviti sukan & riadah seperti ini merupakan 'vehicle' @ wadah kepada kita dalam mencari & menggilap bakat disamping mengeratkan keakraban di kalangan warga KUKUM. Saya percaya kejohanan yang dianjurkan ini mampu melatih dan melahirkan atlet-atlet yang akan mengukir nama KUKUM dan memahat sejarahnya di persada sukan negara mahupun antarabangsa.



Kesihatan merupakan faktor penting dalam menjamin kualiti kerja yang baik, ini bertepatan dengan hadith Rasulullah S.A.W yang bermaksud "Akal yang sihat hadir dari badan yang cergas"., Kita di negeri Perlis ini tidak perlu mengambil contoh yang jauh, YAB Menteri Besar Perlis sendiri telah membuktikan bahawa walaupun beliau sibuk dengan tugasannya harian, namun setiap petang beliau akan cuba bersukan dengan rakan-rakan. Di KUKUM juga, setiap hari Rabu 'aktiviti senamrobik & poco-poco' diwajibkan kepada semua kakitangan.

Ini jelas membuktikan betapa pentingnya aturan hidup ini disulami dengan aktiviti sukan & rekreasi yang akhirnya akan mengharmonikan setiap tugasannya yang dipikul ke arah kecemerlangan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan kejohanan ini. Ucapan sekalung penghargaan & jutaan terima kasih saya ucapkan khas kepada YAB Dato' Seri Shahidan B.Kassim, Menteri Besar Perlis kerana tidak putus-putus memberi sokongan padu dalam setiap program yang KUKUM laksanakan.

Harapan saya jadikanlah medan ini sebagai titik permulaan dalam membentuk masyarakat yang aktif, sihat lagi cergas melalui aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi untuk semua serta pembangunan atlet sukan berprestasi tinggi peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa selaras dengan moto kejohanan "Menggerak Tenaga, Menuju Kejayaan"



## Kata - Kata Aluan Pengerusi

Assalamualaikum w.b.t & Salam Sejahtera

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mencoret sepatah dua di dalam buku ini. Syabas & Tahniah disampaikan dengan hati yang tulus ikhlas kepada Dekan, Timb. Dekan, Para Pegawai & Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang telah memberi kepercayaan & membantu saya dalam menjayakan kejohanan ini.

Kejohanan Olahraga Tertutup KUKUM ini merupakan program tahunan yang diatur oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan terbuka kepada semua warga KUKUM yang terdiri di kalangan staf dan pelajar. Berobjektifkan menggilap bakat sukan, mengeratkan silaturrahim dan mewujudkan suasana seronok semasa beriadah, peranan IPT seperti KUKUM dalam menganjurkan kejohanan ini dianggap berada tepat dilandasannya.

Penglibatan semua jabatan/unit dan pusat pengajian dalam menghantar penyertaan bagi setiap acara dan kategori menunjukkan satu perkembangan positif dari tahun ke tahun. Tahun ini sahaja kita berjaya meningkatkan penyertaan hampir 20% dari tahun sebelumnya iaitu mencapai 70% dan majoritinya dari para pelajar. Jika nisbah ini diambil kira, maka saya percaya kejohanan yang dianjurkan setiap tahun ini akan mencapai objektifnya.

Kepada semua peserta, saya ucapkan semoga berjaya di medan lapangan masing-masing, dan apa yang penting, kepada yang berjaya jadikan kejayaan hari ini lonjakan semangat di masa depan, dan yang gagal jangan berputus asa kerana hari esok dijadikan sebagai panduan untuk menjadi yang terbaik pada hari-hari yang mendatang.

Akhir kata, terima kasih kepada semua jawatankuasa yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran kejohanan ini, dan moga kita akan terus berusaha untuk menjadikan program ini yang terulung di persada sukan KUKUM.

**NURUL AMRI B. AHMAD**  
**Pengerusi**



## **TENTATIF ACARA PERASMIAN PENUTUP KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM 2006 (29 HB MAC 2006)**

- 
- 7.30 pagi - Pendaftaran Finalist  
- Sarapan Pagi
- 8.30 pagi - Acara Akhir 100 meter (Semua Kategori)
- 9.30 pagi - Ketibaan Y. Bhg. Rektor & Isteri
- 9.40 pagi - Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis & Isteri
- 9.50 pagi - Acara Akhir : 4 x100 meter (Jemputan)  
4 x 400 meter
- 10.30 pagi - Ucapan Aluan Rektor
- 10.40 pagi - Ucapan Perasmian oleh YAB Menteri Besar Perlis  
- Gimik Perasmian  
- Ramah Mesra bersama kontjen-kontjen
- 11.10 pagi - Acara Tarik Tali VVIP
- 11.30 pagi - Penyampaian Hadiah  
- Penyampaian Cenderahati  
- Nyanyian Lagu Negaraku & WAWASANKU  
- Jamuan

## **SENARAI ACARA YANG AKAN DIPERTANDINGKAN PADA KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP KUKUM 2006**

### **ACARA**

100 meter	
200 meter	Pecut
400 meter	
800 meter	Jarak Sederhana
1500 meter	
3000 meter	Jarak Jauh
4 x100meter	
4 x 400meter	Larian Berganti-ganti
Lompat Jauh	
Lompat Tinggi	Lompatan.
Lompat Kijang	
Lontar Peluru	
Lempar Cakera	Lontaran
Merejam Lembing	

#### **Kategori larian.**

- Saringan** – Jika melebihi 8 org peserta atau melebihi 1 kali pelepasan.  
**Separuh akhir** – 16 orang peserta terbaik  
**Akhir** – Hanya 8 orang peserta terbaik dan bergantung kepada time trial.

#### **Kategori Kelas larian .**

- Kelas 1** – Khusus untuk para pelajar  
**Kelas 2** – Khusus untuk para staf  
**Kelas 3** – Khusus untuk staf yang veteran.



## JAWATANKUASA KEJOHANAN

### Penaung

Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin

### Penasihat

En. Shamshul Bahar Yaakob  
En. Mohd Najmuddin Mohd Hassan

### Pengerusi

En. Nurul Amri Ahmad

### Timbalan Pengerusi

En. Fauzi Baharom

### Setiausaha

Cik Syeamarsyeta Ahamad

### Bendahari

En. Zakaria Abd. Rahman

### Protokol, Gimik & Pengurus Acara

En. Mohd. Mustafa Albakri Bin Abdullah  
En. Raja Shah Erman Raja Arifin

### Teknikal

En. Mohd Hafeez Nordin

### Logistik & Publisiti

En. Anas Efiendi Abd Rahman  
Che Hussin Bin Man

### Jemputan

En Mustaffa Ismail

### Cenderahati

Cik Noordiana Mohd Shahab

### Fizikal

En. Zulfikar Rajamohan Abdullah  
En. Mohd. Azamin Ahmad Adli

### Pengangkutan

En. Irhamuddin Mansor  
En. Adi Ashraff Zulkifli  
En. Saiful Ammar Marzuki

### Makanan

Pn. Fazlina Fadzil  
En. Mohd. Shahruh Annuar Alawi

### PA System

Pn. Noor Aziana Iberahim  
En. Zulkifli Bahari

### Tugas-Tugas Khas

En. Ibrahim Din  
En. Ku Ishar Ku Ariffin

### Keselamatan

En Othman Lah



## FORMAT KEJOHANAN

Kejohanan ini akan dipertandingkan mengikut pusat pengajian bagi pelajar dan mengikut gabungan jabatan bagi pasukan staf :-

**5.1 Pasukan Staf :- Senior dan Veteran ( L/P )**

**5.2 Pasukan Pelajar :- Lelaki dan Perempuan**

Acara yang akan dipertandingkan pula adalah mengikut acara yang terdapat di dalam kejohanan olahraga yang pernah dipertandingkan di kejohanan olahraga MASUM. Namun perubahan di dalam acara boleh berlaku dan acara yang akan dipertandingkan akan diputuskan di dalam mesyuarat jawatankuasa induk kelak. (Sila rujuk lampiran 1) Undang-undang setiap acara didalam kejohanan ini berdasarkan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak ITF.

Hadiah pula akan diberikan kepada peserta yang mendapat tempat pertama hingga ketiga dalam setiap acara yang dipertandingkan dan juga hadiah kepada pasukan yang berjaya mengumpul mata terbanyak.

Bentuk hadiah adalah seperti berikut :-

Johan	= Medal + Sijil
N.Johan	= Medal + Sijil
Ketiga	= Medal + Sijil
Pasukan Terbaik	= Piala Pusingan + RM 1000

## PENGHARGAAN

Jawatankuasa Kejohanan Olahraga Tertutup KUKUM 2006  
Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih  
kepada :

**Pejabat YAB Menteri Besar Perlis**

**Polis Diraja Malaysia**

**Majlis Perbandaran Kangar**

**Maktab Perguruan Perlis**

**Jabatan Pelajaran Perlis**

**Media**

**Jabatan-Jabatan/Unit-Unit KUKUM**

